



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,  
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)  
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)  
Faks: 604-255 5577  
e-Mail : pneg\_png@anm.gov.my  
Laman Web:  
<https://penang.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM PG. 100-1/8 (S6)

Tarikh : 22 Jun 2022

**Ketua-ketua Jabatan/PTJ**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBEKAL DALAM SISTEM eVENDOR UNTUK TUJUAN  
PENYEDIAAN INDEN KERJA IGFMAS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Jabatan ini telah mengenalpasti terdapat isu pendaftaran pembekal dalam sistem eVENDOR untuk tujuan penyediaan **Inden kerja iGFMAS**. Dimaklumkan bahawa syarikat/perniagaan yang telah berdaftar dengan sistem ePerolehan tidak boleh membuat pendaftaran sebagai pembekal melalui sistem eVENDOR. Data syarikat/perniagaan yang berdaftar dengan ePerolehan akan wujud dalam sistem IGFMAS dan boleh digunakan untuk tujuan penyediaan Inden Kerja.

3. Oleh yang demikian pihak PTJ adalah dinasihatkan supaya tidak mensyaratkan hanya pembekal yang mempunyai pendaftaran eVENDOR sahaja boleh menyertai dalam tawaran perolehan kerja yang diiklankan. Pihak PTJ juga perlu menyemak data syarikat/perniagaan yang wujud dalam sistem IGFMAS merupakan data yang tepat termasuk nombor akaun bank yang telah dikemaskini sebelum menyediakan Inden Kerja IGFMAS.

4. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Unit Khidmat Pelanggan JANM Pulau Pinang di talian 04-2555450. Segala kerjasama dan perhatian dari pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(OMM NAJWA BINTI MOKHTAR C.A(M) )

b.p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pulau Pinang